

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan

- 1 (a) Puan Mazuin merekodkan tunai peribadi yang didepositkan ke dalam Akaun Bank perniagaan ke dalam Akaun Modal Perniagaan Perabot Mazuin. Perniagaan ini juga membuat keputusan untuk membeli mesin perabot yang lebih canggih dan dijangka meningkatkan keuntungannya untuk beberapa tahun akan datang.

Nyatakan andaian, prinsip dan batasan dalam perakaunan yang diamalkan oleh Perniagaan Perabot Mazuin. [2 markah]

- (b) Mendapat pinjaman dari Bank Utama Berhad RM100 000 untuk membeli alatan pejabat.

Berdasarkan urusan di atas, apakah kesan urusan di atas terhadap persamaan perakaunan? [2 markah]

- (c) Senaraikan dua kepentingan belanjawan tunai. [2 markah]

- (d) Nyatakan dua sebab sesebuah perkongsian dibubarkan. [2 markah]

- (e) Pada 1 Februari 2025, Syarikat Golden Times Berhad telah menerbitkan 1 300 000 unit 5% Syer Keutamaan pada harga RM1.50 sesyer dan 2 000 000 unit Syer Biasa pada harga RM1.00 sesyer kepada orang awam. Semua syer itu telah dilanggan dan berbayar penuh pada tarikh tutup permohonan 28 Februari 2025. Pada 31 Julai 2025, Lembaga pengarah telah memutuskan untuk membayar Dividen Interim kepada pemegang 5% Syer Keutamaan dan Syer Biasa pada kadar 4%.

Anda dikehendaki menghitung jumlah Dividen Interim. [2 markah]

2. Nabil dan Nabila adalah pekongsi perniagaan Perkongsian Double N yang menjual peralatan sukan di Bandar Baru Air Itam. Mereka membahagikan untung atau rugi secara sama rata. Imbangan Duga Perkongsian Double N pada 31 Mac 2025 adalah seperti berikut.

Perkongsian Double N
Imbangan Duga pada 31 Mac 2025

Butir	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 April 2024:		
Nabil		20 000
Nabila		20 000
Akaun Semasa pada 1 April 2024:		
Nabil		1 725
Nabila		1 425
Inventori pada 1 April 2024	6 300	
Kenderaan	35 000	
Belian dan Jualan	44 800	60 314
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	11 424	12 680
Komisen diterima		3 300
Pulangan belian		240
Kadar bayaran	7 250	
Lengkapan kedai	4 760	
Sewa	1 200	
Diskaun	350	
Bank	6 600	
Gaji Nabil	2 000	
	119 684	119 684

Maklumat Tambahan

- i. Inventori pada 31 Mac 2025 bernilai RM12 630.
- ii. Encik Nabil sebagai pengurus dibayar gaji RM10 000 setahun.
- iii. Faedah atas modal 5% setahun.
- iv. Komisen belum diterima berjumlah RM300.
- v. Kenderaan disusut nilai sebanyak 10% setahun atas kos

Anda dikehendaki menyediakan :

- a) Penyata Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2025 [6 markah]
- b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2025 [4 markah]
- c) Akaun Semasa bagi setiap pekongsi (beruangan) [8 markah]
- d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Mac 2025 [7 markah]

PPC 2025 - P. PINANG

3. Cik Amira ialah pemilik Butik Sari Sister. Beliau tidak menyimpan rekod perakaunannya dengan lengkap. Maklumat berikut telah diperolehi daripada buku perniagaannya.

Butir	1 Julai 2022	30 Jun 2023
	RM	RM
Kenderaan	-	35 000
Lengkapan	8 600	10 400
Inventori	3 700	4 200
Akaun Belum Terima	2 800	2 950
Akaun Belum Bayar	3 500	4 300
Insurans prabayar	-	180
Komisen belum terima	-	1 250
Pinjaman(8% setahun)	15 000	15 000
Modal	17 400	?

Ringkasan penerimaan dan pembayaran bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023 adalah seperti berikut:

Buku Tunai (ruangan bank)

Tarikh	Butiran	RM	Tarikh	Butiran	RM
2022			2023		
Julai 1	Baki b/b	20 800	Jun 30	Kadar bayaran	2 970
2023				Lengkapan	3 300
Jun 30	Jualan	39 250		Sewa	9 900
	Akaun Belum Terima	17 500		Belian	10 300
	Komisen	2 400		Akaun Belum Bayar	16 900
				Gaji	14 400
				Insurans	900
				Faedah atas pinjaman	1 100
				Baki h/b	20 180
		79 950			79 950
2023					
Julai 1	Baki b/b	20 180			

Maklumat tambahan:

- (i) Pulangan keluar RM130.
- (ii) Diskaun diberi RM450 dan diskaun diterima RM370.
- (iii) Pada 30 Jun 2023, pemilik telah membawa masuk kenderaan peribadi untuk kegunaan perniagaan.

Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun atas kos.

- (iv) Perkara berikut telah dibayar melalui kutipan jualan tunai sebelum wang dibankkan:

Sewa	RM900
Insuran hayat pemilik	RM250

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima. [3 markah]
- (b) Akaun Kawalan Belum Bayar. [3 markah]
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2023. [11 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2023. [8 markah]

PPC 2025 - P. PINANG

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana **dua** soalan daripada bahagian ini.

4. Sri Bertam Perdana sebuah perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan menjual kasut di Kepala Batas, Pulau Pinang. Berikut merupakan Imbangan Duga yang telah diambil daripada buku-buku perniagaannya pada 31 Disember 2024

Sri Bertam Perdana Imbangan Duga pada 31 Disember 2024

Butir	Debit RM	Kredit RM
Inventori pada 1 Januari 2024	15 890	
Belian dan Jualan	55 000	72 600
Ambilan	360	
Duti atas belian	1 020	
Gaji	5 900	
Komisen		375
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	9 250	6 660
Bank		1 975
Modal pada 1 Januari 2024		17 860
Alatan pejabat	6 420	
Tunai	610	
Pulangan	75	25
Insurans	1 200	
Hutang lapuk	250	
Pinjaman		8 000
Sewa	3 600	
Alat tulis	60	
Perabot	7 540	
Susut nilai terkumpul Perabot		540
Faedah atas pinjaman	320	
Kadar bayaran	540	
	108035	108035

PPC 2025 - P. PINANG

Maklumat tambahan:

- i. Inventori pada 31 Disember 2024 dinilai RM13 400 pada harga pasaran dan RM16 190 pada harga kos.
- ii. Kadar bayaran Prabayar RM100
- iii. Komisen belum terima RM150
- iv. Akaun belum terima berjumlah RM250 telah dihapuskan sebagai hutang lapuk.
- v. Peruntukan hutang ragu ialah 5% atas akaun belum terima bersih
- vi. Pemilik telah membuat ambilan barang niaga RM40 untuk dihadiahkan kepada anaknya belum dicatatkan dalam mana-mana buku.
- vii. Polisi susut nilai adalah seperti berikut:

Alatan Pejabat - 10 % setahun mengikut kaedah garis lurus

Perabot - 10 % setahun mengikut kaedah baki berkurangan

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2024.

[15 markah]

- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024. (Bahagian Ekuiti Pemilik)

[5 markah]

PPC 2025 - P. PINANG

5. a) Encik Nara adalah pemilik kedai telefon bimbit Syarikat OneStop Sdn. Bhd. Dokumen-dokumen berikut diperoleh daripada perniagaan beliau sepanjang bulan Mac 2025.

ASAL	INVOIS	J 4210
Syarikat Megah Holding Berhad 28 Jalan Maya 54100 Kuala Lumpur		
Kepada Syarikat One Stop Sdn. Bhd 234 Jalan Lokman 53100 Kuala Lumpur		
		2 Mac 2025

Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah
5	Sonia 3310	980	4 900
10	Sokia 5G 8320	1 210	12 100
6	Rexmia 1167	760	4 560
3	Soppo 2530	1 380	4 140
			25 700
Tolak: Diskaun niaga 20%			5 140
Jumlah			20 260

(Ringgit: Dua puluh ribu lima ratus enam puluh sahaja)

Syarat : 5% 7 hari
 Serahan : Angkutan dibayar
 K.&K.D.K.

Nara

.....

T.T. Penerima

MegahH

.....

T.T. Pengurus

Dokumen 1

SALINAN

INVOIS

E 2215

Syarikat One Stop Sdn Bhd

234 Jalan Lokman
53100 Kuala Lumpur

Kepada

Syarikat Bakti
14 Jalan Linggam
23160 Petaling Jaya

10 Mac 2025

Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah
2	Sonia 3310	1 250	2 500
1	Sokia 5G 8320	1 620	1 620
2	Rexmia 1167	940	1 880
			6 000
	Tolak: Diskaun niaga 10%		600
Jumlah			5 400

(Ringgit:Lima ribu empat ratus sahaja)

Syarat : 5% 7 hari

Serahan : Angkutan dibayar

K.&K.D.K.

Bakti

.....

T.T. Penerima

Nara

.....

T.T. Pengurus

Dokumen 2

ASAL	INVOIS Syarikat Sam Komputer 11 Jalan Bam Bum 23600 Bangi	B 5412	
Kepada Syarikat One Stop Sdn. Bhd 234 Jalan Lokman 53100 Kuala Lumpur			
		11 Mac 2025	
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah
1	Komputer Acel	3 260	3 260
Jumlah			3 260
Nara T.T. Penerima		Sam T.T. Pengurus	

Dokumen 3

PPC 2025 - P. PINANG

ASAL	NOTA KREDIT	CN 2215	
Syarikat Megah Holding Berhad 28 Jalan Maya 54100 Kuala Lumpur			
Kepada Syarikat One Stop Sdn. Bhd 234 Jalan Lokman 53100 Kuala Lumpur			
		13 Mac 2025	
Akaun tuan telah dikreditkan seperti berikut:			
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah
1	Soppo 2530	1 380	1 380
	Diskaun niaga 20% (Soppo 2530 dipulangkan kerana rosak)		276
Jumlah			1 104
(Ringgit: Satu ribu seratus empat sahaja)			
			MegahH T.T. Pengurus

Dokumen 4

ASAL	NOTA DEBIT Syarikat Megah Holding Berhad 28 Jalan Maya 54100 Kuala Lumpur	DN 2001	
Kepada Syarikat One Stop Sdn. Bhd 234 Jalan Lokman 53100 Kuala Lumpur			
		13 Mac 2025	
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah
10	Sokia 5G 8320	50	500
	<i>Tolak</i> : Diskaun niaga 20% (Sokia 5G 8320 yang dijual terkurang nilai RM50)		100
Jumlah			400

(Ringgit:Empat ratus sahaja)

Syarat : 5% 7 hari
 Serahan : Angkutan dibayar
 K.&K.D.K.

Nara

.....

T.T. Penerima

MegahH

.....

T.T. Pengurus

Dokumen 5

MEMO Syarikat One Stop Sdn. Bhd 234 Jalan Lokman 53100 Kuala Lumpur
14 Mac 2025
Kepada : Kerani Akaun Daripada : Pengurus Pemilik mengambil satu Sonia 3310 untuk kegunaan anaknya.
Nara T.T. Pengurus

Dokumen 6

ASAL	INVOIS	A 4760	
Syarikat Perabot Home Design 88 Jalan Rizal 52800 Kuala Lumpur			
Kepada Syarikat One Stop Sdn. Bhd 234 Jalan Lokman 53100 Kuala Lumpur			
		16 Mac 2025	
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah
3	Almari pameran	280	840
2	Kabinet besi	130	260
8	Meja cengai	70	560
2	Rak Pameran	320	640
			2 300
	Tolak: Diskaun niaga 20%		460
Jumlah			1 840

(Ringgit: Satu ribu lapan ratus empat puluh sahaja)

Syarat : 5% 7 hari
 Serahan : Angkutan dibayar
 K.&K.D.K.

Nara

.....

T.T. Penerima

DioMin

.....

T.T. Pengurus

Dokumen 7

SALINAN	NOTA KREDIT Syarikat One Stop Sdn. Bhd 234 Jalan Lokman 53100 Kuala Lumpur	CN 7764	
Kepada Syarikat Bakti 14 Jalan Linggam 23160 Petaling Jaya			
		22 Mac 2025	
Akaun tuan telah dikreditkan seperti berikut:			
Kuantiti	Butir	Harga Seunit (RM)	Jumlah
1	Sonia 3310 <i>Tolak</i> : Diskaun niaga 10% (Sonia 3310 dipulangkan kerana rosak)	1 250	1 250 125
Jumlah			1 125
<i>(Ringgit: Satu ribu seratus dua puluh lima sahaja)</i>			
Nara T.T. Pengurus			

Dokumen 8

Anda dikehendaki menyediakan catatan dalam jurnal berikut:

- | | | |
|-------|----------------------------------|-----------|
| (i) | Jurnal Am (keterangan diabaikan) | [6markah] |
| (ii) | Jurnal Belian | [3markah] |
| (iii) | Jurnal Jualan | [2markah] |
| (iv) | Jurnal Pulangan Belian | [2markah] |
| (v) | Jurnal Pulangan Jualan | [2markah] |

- b) Berdasarkan jawapan di 5(a)(ii), buat pengeposan ke akaun lejar berkenaan. Imbangkan dan tutup semua akaun. [5markah]

6. Cik Sofea merupakan pemilik Butik Sofea Trading menerima penyata bank bagi bulan Jun 2025. Penyata tersebut menunjukkan baki yang berbeza daripada baki Buku Tunai perniagaannya seperti berikut:

PENYATA BANK				
Bank Perdagangan Berhad				
Lot 45, Bangunan MARA				
11000 Balik Pulau				
Pulau Pinang				
Butik Sofea Trading				
No.25, Jalan Sungai Nipah				
Taman Genting Emas				
11000 Balik Pulau				
Pulau Pinang				
No.Akaun: 157435406723.00				
Tarikh: 30-Jun-2025				
Tarikh	Butir	Debit	Kredit	Baki
2025		RM	RM	RM
Jun 1	Baki			1880
2	Deposit		410	2290
4	Buku cek	25		2265
6	Cek no. 200099	3000		-735
7	Cek no. 200100	570		-1305
9	Deposit		695	-610
10	Cek no. 200101	100		-710
12	Cek no. 200102	1010		-1720
15	Deposit		1695	-25
16	Cek no. 200103	410		-435
19	Faedah atas pinjaman	460		-895
20	Cek no. 200104	510		-1405
22	Insurans	1000		-2405
25	Deposit		560	-1845
26	Dividen Mas Berhad		500	-1345
27	Deposit-		465	-880
28	Deposit		1210	330
	Rujuk penyuruh bayar	465		-135
29	Sewa- perintah sedia ada	500		-635

PPC 2025 - P. PINANG

Buku Tunai (ruangan bank)

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	No. cek	RM
2025			2025			
Jun 5	Zizi Enterprise	1695	Jun 1	Baki b/b		710
7	Jualan	659		Lengkapan	200100	570
11	Ali Trading	560	5	Alat tulis	200101	100
25	Faedah atas simpanan	1210	6	Sakinah	200102	1010
26	Azhar	465	14	Siti Enterprise	200103	410
28	Timah Enterprise	1200	15	Lengkapan	200104	510
30	Aiman	246	17	Gaji	200105	700
	Baki h/b	1475	21	Belian	200106	860
			23	Alatan Pejabat	200107	540
			28	Indah Enterprise	200108	2100
		<u>7510</u>				<u>7510</u>

Maklumat tambahan :

Cek yang diterima pada 7 Jun 2025 telah tersalah rekod di Buku Tunai.

Anda dikehendaki:

- | | |
|--|-------------|
| (a) Mengemas kini Buku Tunai bagi bulan Jun 2025. | [10 markah] |
| (b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2025. | [8 markah] |
| (c) Nyatakan 2 sebab berlakunya cek tak laku? | [2 markah] |

SOALAN TAMAT